



ANGKATAN TENTERA MALAYSIA 'ATM PERKASA KEDAULATAN TERPELIHARA'

PENGAMBILAN CALON LEPASAN IJAZAH SEBAGAI PEGAWAI KADET LEPASAN IJAZAH DI DALAM SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA 2019

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) untuk berkhidmat sebagai Pegawai dalam Perkhidmatan Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Calon yang berjaya dan terpilih akan dilantik sebagai Pegawai Kadet Lepas Ijazah untuk menjalani latihan Pegawai Kadet di Akademi Tentera Darat (ATD), Kapal DiRaja Sultan Idris I (KDSI I) dan Kolej Tentera Udara (KTU).

SEKSYEN A - SYARAT-SYARAT PERLANTIKAN PEGAWAI KADET LEPASAN IJAZAH

1. **Jantina.** Lelaki dan Wanita.
2. **Umur.** Tidak melebihi 27 tahun pada 31 Disember 2018.
3. **Fizikal.**

Kriteria Asas	Lelaki	Wanita
a. Tinggi Minimum	1.62 m	1.57 m
b. Berat Minimum	47.5 kg	45.0 kg
c. Beza Ukuran Dada Pemasangan	5 cm	4 cm
d. Body Mass Index (BMI)	18.0 hingga 26.0	

4. **Taraf Kesihatan.** Calon-calun mesti lulus pemeriksaan kesihatan dan pergigian yang dijalankan oleh Pegawai Perubatan ATM. Calon juga mestilah mempunyai tahap Penglihatan yang baik tanpa kaca mata dan kanta lengkap.

5. Kelayakan Akademik:

- **Kelulusan Asas.** Lulus SPM/SVM atau kelayakan setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan), Bahasa Inggeris dan Matematik

- **Kelulusan Pengajian Tinggi.** Lulus Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dan memperolehi keputusan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 2.70 ke atas.

- **Jurusan Diperlukan.** Sila layari www.mafhq.mil.my/JOMMASUKTENTERA untuk keperluan senarai jurusan yang di tawarkan.

6. **Pengesahan Jabatan Perkhidmatan Awam(JPA).** Kelulusan dari Institusi-institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTs) tempatan dan luar negara perlu mendapatkan pengesahan pengiktirafan akreditasi daripada *Malaysian Qualification Agency (MQA)* melalui laman sesawang JPA di www.jpa.gov.my manakala bagi calon kejuruteraan, kelulusan calon mestilah diiktiraf oleh Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC).

7. **Temuduga.** Calon-calun yang layak akan dipanggil untuk menjalani pemilihan di pusat-pusat pemilihan yang akan dimaklumkan berdasarkan keperluan Perkhidmatan dari masa ke semasa.

8. **Kriteria Pemilihan.** Calon-calun akan disaring dan diuji melalui proses pemilihan berdasarkan Penilaian Lembaga Pemilihan seperti yang telah ditetapkan oleh ATM. Keputusan pemilihan dan temuduga adalah muktamad.

SEKSYEN B – PENTAULIAHAN PEGAWAI KADET LEPASAN IJAZAH

9. **Pelantikan.** Calon-calun yang berjaya terpilih akan dilantik sebagai Pegawai Kadet Lepas Ijazah untuk menjalani latihan ketenteraan di Kolej Perkhidmatan.

10. **Pentaulliahan.** Pegawai Kadet Lepas Ijazah yang lulus dalam Latihan Ketenteraan dan TERPILIH akan dianugerahkan Tauliah Jangka Pendek dengan pangkat Leftenan Muda atau setaraf setelah diperkenankan oleh SPB Yang DiPertuan Agong.

11. **Gaji, Elaun dan Kemudahan** sebagai Pegawai kadet adalah berdasarkan Skim Perkhidmatan ATM yang sedang berkuatkuasa.

SEKSYEN C – PERMOHONAN PEGAWAI KADET LEPASAN IJAZAH

12. **Permohonan Secara Dalam Talian.** Permohonan hendaklah dibuat melalui pautan pengambilan Pegawai Kadet Lepas Ijazah bagi tahun 2019 di laman sesawang Portal ATM www.mafhq.mil.my/JOMMASUKTENTERA. Calon juga dikehendaki memajukan resume dan salinan dokumen peribadi seperti kad pengenalan, sijil kelahiran, sijil SPM, transkript ijazah, gambar ukuran pasport, nombor talipon dan email ke pengambilanpegatm@gmail.com.

13. **Maklumat Pegawai Pemilih.** Sebarang pertanyaan sila hubungi 03-20714524/ 5120/ 2391.

14. **Status Permohonan.** Calon yang berjaya dan gagal akan dihubungi melalui email.

15. **Tarikh Tutup Permohonan: 31 Dis 2018.**

